



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran Sebut Harga adalah dipelawa kepada syarikat / pembekal yang sah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang seperti berikut:

BIL.	NO. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR BEKALAN/PERKHIDMATAN	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH & WAKTU TUTUP
1	MDA/SH/2017/05	SEBUT HARGA PEMBANGUNAN SISTEM PENDAFTARAN DALAM TALIAN TEKNIKAL KOMPETENSI PERANTI PERUBATAN / MEDICAL DEVICE TECHNICAL COMPETENCY ONLINE REGISTRATION SYSTEM (MeDTComp) UNTUK BADAN LATIHAN / TRAINING BODY DAN TEKNIKAL PERSONEL / TECHNICAL PERSONNEL YANG MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAHKAN, MENYENGGARAKAN DAN MELUPUSKAN SESUATU PERANTI PERUBATAN DI BAWAH AKTA 737 BAGI PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (PBPP).	<p>210101 210102 210103 210104 210105 210106 210107 210108 210109 221110 222704</p> <p>(wajib berdaftar dalam kod bidang di atas untuk menyertai sebut harga)</p>	<p>Tarikh : 2 Mei 2017 Masa : 12.00 tengah hari</p> <p>Tawaran Sebut Harga yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN</p>

2. Syarikat yang berminat menyertai tawaran sebut harga ini hendaklah mempunyai pengalaman dalam **Pembangunan Sistem Pengurusan Kesihatan Awam atau Kawalan Produk Kesihatan Dalam Jangka masa Tiga (3) Tahun ke belakang (2014 hingga kini) khususnya yang melibatkan:**
- Reka bentuk perisian yang memiliki kepakaran penilaian sistem pengurusan kompetensi;
 - Kepakaran mereka bentuk sistem bertemakan konsep penilaian dan pembelajaran;
 - Kepakaran mereka bentuk sistem mudah guna untuk pihak pengguna sistem;
 - Kepakaran dan pengalaman mereka bentuk *elearning rich media* (meliputi item penilaian, animasi, ilustrasi, video, audio dan imej fotografi); dan
 - Memiliki kepakaran penilaian dan pengesahan kompetensi dalam aspek teknikal bidang peranti perubatan.
3. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dengan harga **RM40.00 (RINGGIT MALAYSIA: Empat Puluh)** senaskah pada waktu pejabat dari **9.00 pagi hingga 4.00 petang** mulai **19 April 2017 (Rabu)** sehingga **2 Mei 2017 (Selasa)** di Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Aras 5, Menara Prisma, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Bank Draf** atas nama **Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan**. Wang Tunai/Cek tidak diterima.
4. Syarikat yang ingin menyertai tawaran sebut harga hendaklah menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf bumiputra) yang dikeluarkan oleh KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dan menyerahkan satu Salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli Dokumen Sebut Harga tersebut.
5. Dokumen Sebut Harga yang lengkap hendaklah dihantar secara **MANUAL** seperti Arahan Dalam Dokumen Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga (A)** yang ditetapkan di pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Aras 5, Menara Prisma, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
6. Pelaksanaan perolehan sebut harga ini hanya dijalankan secara **MANUAL** sahaja dan **TIDAK** melibatkan ePerolehan. Pihak Berkuasa tidak terikat menerima Sebut Harga yang terdedah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Tawaran Sebut Harga.